

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja asing setakat 30 September 2021 dan mengikut sektor dan kerakyatan yang bekerja di Malaysia dengan dokumentasi yang sah dan apakah anggaran (estimate) jumlah PATI (pekerja asing tanpa dokumentasi sah) untuk tempoh dan kategori yang sama.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan aplikasi MyIMMs di bawah Jabatan Imigresen Malaysia, sehingga **30 September 2021**, terdapat seramai **1.12 juta orang pekerja asing** berdaftar dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) di Malaysia.

Mereka bekerja dalam **enam (6) sektor formal** dan **satu (1) sektor informal** seperti perincian berikut:

<u>Bil.</u>	<u>Sektor</u>	<u>Bilangan (orang)</u>
1.	Perkilangan	399,894
2.	Pembinaan	239,430
3.	Perladangan	141,022
4.	Perkhidmatan	162,257
5.	Pertanian	87,596
6.	Pembantu Rumah Asing	90,483
7.	Perlombongan & Perkuarian	74

Daripada jumlah tersebut, **lebih 60 peratus** pekerja asing adalah di kalangan warga negara Indonesia dan Bangladesh. Bilangan pekerja asing mengikut negara sumber pula adalah seperti berikut:

<u>Bil.</u>	<u>Negara</u>	<u>Bilangan</u>
1.	Indonesia	368,146
2.	Bangladesh	328,377
3.	Nepal	170,468
4.	Myanmar	107,096
5.	India	56,258
6.	Filipina	37,316
7.	Pakistan	29,966

8.	Vietnam	8,186
9.	Thailand	4,968
10.	China	4,034
11.	Sri Lanka	3,796
12.	Kemboja	1,954
13.	Lao PDR	188
14.	Uzbekistan	2
15.	Kazakhstan	1

Menerusi **Program Rekalibrasi Pulang**, seramai **147,705 orang PATI** telah membuat pendaftaran untuk pulang ke negara asal dan sehingga 30 September 2021, **seramai 124,423 orang (84 peratus)** telah disahkan pulang.